

7. 'Aqiqah

1. Bermaksud menyembelih binatang sembelihan sebagai tanda kesyukuran atas kelahiran bayi;
2. Daging sembelihan disunatkan untuk dimasak manis sebelum disedekahkan kepada fakir dan miskin.
3. Hukum 'aqiqah adalah sunat Muakkad.
4. Sunat dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran bayi dan dilaksanakan oleh wali iaitu bapa, datuk atau penjaga.
5. 'Aqiqah bagi anak lelaki ialah 2 ekor kambing yang matang usianya atau 2 bahagian daripada seekor lembu. Jika tidak berkemampuan, cukup sekadar seekor kambing atau 1 bahagian daripada seekor lembu.
6. 'Aqiqah bagi anak perempuan ialah 1 ekor kambing yang matang usianya atau 1 bahagian daripada seekor lembu.

8. Pendidikan Agama

1. Pembentukan anak yang soleh bermula dari pembentukan shakhsiah (peribadi) suami dan isteri (sebelum bernikah) dan pendidikan awal dari dalam rahim ibu.
2. Ibumama hendaklah membudayakan solat berjamaah, pembacaan al-Qur'an dan sesi halaqah bersama keluarga.

3. Ibumama berperanan dalam pembinaan akhlak murni dan adab yang baik kepada anak-anak.
4. Ibumama hendaklah sentiasa prihatin, meluangkan masa dan bergurau bersama anak serta menanam minat untuk mencintai ilmu kepada anak.
5. Ibumama perlu mendidik anak mengikut peredaran zaman dengan mendekati, memahami dan mengawal anak-anak sejak dari kecil dengan acuan Islam.

6. Antara amalan doa berterusan :

• "... *Ya Allah, aku mengharapkan kegemilangan dariMu untukku dan isteriku dan dari keluargaku (keturunanku), pandangan cahaya mata yang menyenangkan dan jadikan aku pemimpin orang-orang yang bertaqwa*".

(Surah al-Furqan : ayat 74)

• "*Ya Tuhan kami, jadikanlah kami berdua orang yang tunduk patuh kepadaMu dan jadikanlah keturunan kami umat yang tunduk patuh kepadaMu dan tunjukkanlah kami cara dan tempat ibadah haji kami dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Kau Yang Maha Penerima Taubat Lagi Maha Penyayang*".

(Surah al-Baqarah : ayat 128)

Disediakan oleh :
Unit Hal Ehwal Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

TERBITAN
2009



TANGGUNGJAWAB BAPA KEPADA ANAK SELEPAS KELAHIRAN



FIRMAN ALLAH SWT YANG BERMAKSUD:

" *Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang keras dan kasar; tidak menderhaka kepada Allah SWT terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan* ".

(Surah at-Tahrim : ayat 6)

SILA LETAKKAN RISALAH INI
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA

1. Azan & Iqamah

1. Bapa disunatkan melakukan sujud syukur setelah bayi dilahirkan.
2. Bapa disunatkan untuk mengazankan di telinga kanan dan mengiqamahkan di telinga kiri dengan nada suara yang perlahan dan lembut, membaca surah al-Qadr, surah al-Hasyr ayat 21 hingga 24 dan surah Toha ayat 1 hingga 5 dan ditipkan ke ubun-ubun bayi.
3. Digalakkan menghadap ke arah kiblat semasa mengazankan bayi.

4. Doa untuk bayi setelah diazankan dan diiqamahkan :

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ
وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ

Maksudnya : "Aku memohon dengan Engkau dan aku memohon perlindungan dariMu untuk bayi ini dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada segala syaitan dan daripada pandangan mata yang dapat menimbulkan bahaya".

5. Sunat berdoa : " Ya Allah, semoga anakku ini menjadi anak yang baik dan soleh/solehah, berjaya hidup dunia dan akhirat".

6. Tugas ini boleh dilakukan oleh lelaki dan perempuan. Lebih afdhal jika wali dan ibubapa bayi melaksanakannya.



2. Tahnik

1. Celupkan jari manis dengan madu, kurma atau manisan lain dengan membaca selawat, surah an-Nas, surah al-Falaq, surah al-Ikhlas dan surah al-Insyirah.
2. Jari manis hendaklah menyentuh dan menggosok dengan lembut langit atau bibir bayi.

3. Pengurusan Uri/ Tembuni

1. Sebaik-baiknya ia perlu diurus dengan cara membasuh dan menanamnya pada tempat yang selamat bagi menghormati haknya.
2. Elakkan semua perbuatan syirik semasa melaksanakan pengurusan tersebut.

4. Bercukur

1. Biasanya dilaksanakan ketika majlis tahnik dengan menggunting sedikit pada rambut bayi tersebut.
2. Sunat dan amalan sunnah mencukur keseluruhan rambut bayi kerana mampu mencerdikan akal dan menghasilkan rambut yang lebih cantik.
3. Rambut yang telah dicukur hendaklah ditimbang dan beratnya hendaklah dinilai dengan emas atau perak dan disedekahkan kepada fakir miskin.

5. Penamaan Bayi

1. Bapa hendaklah menamakan bayi dengan nama yang memberi makna yang baik.
2. Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap insan akan diseru mengikut nama masing-masing pada hari kiamat.
3. Doa ketika memberi nama kepada anak :

"Ya Allah jadikanlah nama ini berkat baginya dan jadikanlah dia taat kepada Kau, pekerjaannya dan hartabenda yang Kau redhai menjadi cita-citanya. Menuntut ilmuMu menjadi perjuangannya dan akhirilah hidupnya dengan amalan soleh. Ya Allah, panjangkanlah umurnya dalam ketaatan kepada Kau dan kepada RasulMu. Jadikanlah badannya dalam keadaan sihat 'afiat serta sejahtera. Ya Allah, jadikanlah dia pemimpin di waktu besarnya dan tetapkanlah imannya seperti iman para Nabi-nabiMu hingga ke hari kiamat. Ya Allah, berilah rezeki yang halal lagi baik dan dekatkanlah dia dengan perkara-perkara yang baik dan jauhkanlah dia dari perkara-perkara yang buruk lagi jahat dengan kemurahanMu wahai Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasih".

6. Berkhatan

1. Berkhatan bagi kanak-kanak lelaki adalah wajib manakala bagi kanak-kanak perempuan ia amat dituntut sebagai satu penghormatan. Bagi kanak-kanak yang istimewa/ terencat akal/ berpenyakit adalah merujuk kepada pandangan fatwa dan perakuan kesihatan oleh pengamal perubatan.